



Masa terbaik perbetul kepincangan

Umat Islam di negara ini wajar bersyukur kerana diberikan ruang menyambut Ramadan yang mulia dalam suasana yang tenang, aman dan selamat. Tatkala kebanyakan negara Islam lain terus bergolak dengan pelbagai masalah seperti perang saudara, kemiskinan dan keburluan, kita masih mampu menyambut Ramadan dalam keadaan yang jauh lebih baik berbanding mereka.

Namun, jangan lupa keadaan yang tenang dan aman ini tidak akan kekal selamanya jika kita leka, lalai dan gagal untuk mempertahankannya.

Hakikatnya, bulan Ramadan di samping menyediakan pelbagai rahmat dan ganjaran kepada seluruh umat Islam, juga wajar dijadikan peluang terbaik untuk merapat serta memperkukuhkan silaturahim atas semangat persaudaraan dalam Islam.

Semangat perpaduan yang dimaksudkan ialah sesama umat Islam dan juga antara umat Islam dengan penganut agama lain di negara ini. Ia penting kerana perpaduan menjadi formula utama yang menyumbang kepada kejayaan negara selama ini.

Justeru, sebagai umat Islam, wajar mengambil peluang ini untuk memperkukuhkan silaturahim kerana situasi sekarang tidak begitu memberangsangkan dan meyakinkan. Misalnya, walaupun umat Islam adalah majoriti penduduk negara ini, namun hakikatnya kita terpisah menjadi kelompok kecil mengikut ideologi, kefahaman dan pegangan politik masing-masing.

Ini sebenarnya memberi gambaran betapa lemahnya kita pada hari ini kerana tidak berjaya menghayati konsep persaudaraan yang dibawa oleh Islam.

Oleh itu, kedatangan Ramadan wajar dijadikan platform terbaik untuk kembali memperkukuh hubungan persaudaraan sesama Muslim. Tidak boleh ada kompromi dalam soal ini kerana ia adalah perkara asas dan formula mujarab jika mahu terus maju ke hadapan. Perlu diingat hanya perpaduan dan kesepakatan mampu memelihara martabat orang Islam di samping menjamin dan mengekalkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi di negara ini.

Cukup-cukuplah segala perbalahan dan persengketaan selama ini. Kita tidak mahu yang menang jadi arang, manakala yang kalah pula menjadi abu. Marilah berpaut dan merapatkan saf atas nama Islam disaksikan bulan Ramadan yang mulia ini.

Apa guna kita bercakap berkaitan impian menjadi negara

maju berpendapatan tinggi, andai umat Islam negara ini terus bercakaran dan tidak boleh bersatu padu. Dalam hal ini, eloklah kita ambil iktibar dengan pelbagai musibah dan kezaliman yang menimpa umat Islam di luar negara yang terus menjadi mangsa kerana tidak bersatu dan bertelagah sesama sendiri.

Tidak salah untuk berbeza fahaman politik asalkan ahli politik bertindak lebih profesional dan belajar untuk membezakan ideologi politik dengan perpaduan dalam kalangan rakyat secara keseluruhannya. Kita juga perlu ingat betapa wajib memperlihatkan keindahan Islam

itu kepada rakan daripada agama dan kaum lain supaya dapat terus mempertahankan kesucian, nama baik dan imej agama rasmi bagi Persekutuan ini.

Malah, kita juga perlu menjadi teladan kepada yang lain dalam konteks bagaimana untuk bersatu padu dan hidup bersaudara seperti yang digariskan dalam Islam.

Di samping merapatkan hubungan sesama umat Islam, bulan ini juga wajar digunakan untuk memperkukuhkan hubungan antara kaum dan agama di negara ini.

Perlu ditingkatkan negara ini bertunjangkan masyarakat majmuk yang perlu yang perlu

saling menghormati antara satu sama lain. Elakkan sebarang polemik yang tidak sihat dalam masyarakat pelbagai kaum ini.

Hakikatnya, jadikan iktibar dan menginsafi segala kejadian persengketaan dalaman dan perang saudara di negara luar sebagai panduan untuk kita hidup bersatu padu.

Justeru, sebagai masyarakat pelbagai agama dan bangsa, Ramadan ini boleh dijadikan platform menzahirkan rasa tanggungjawab terhadap negara dengan memperbetulkan segala kesilapan yang sudah dibuat sebelum ini serta memperbaiki kelemahan yang ada demi

kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Bagi merealisasikan hasrat itu, terapkanlah budaya toleransi dan bertolak-ansur supaya kita boleh terima kelemahan orang dan meraikan perbezaan yang ada tanpa curiga dan prasangka buruk. Kita sudah hidup bersama seperti ini lebih 62 tahun hasil kerjasama, permuafakatan dan pengorbanan barisan pejuang kemerdekaan terdahulu melalui pematerian kontrak sosial yang kemudian diangkat sebagai Perlembagaan Persekutuan di samping panduan hidup melalui Rukun Negara.

Apapun Ramadan adalah masa terbaik untuk perbetulkan segala kepincangan. Ambil peluang dan hulurkan salam perpaduan sesama kita dan juga dengan rakan daripada kaum lain agar dapat sama-sama berganding bahu mempertahankan jambatan perpaduan yang dibina oleh generasi terdahulu demi membina masa hadapan yang lebih gemilang.

Hulurkanlah salam perpaduan demi memperkukuh ikatan persaudaraan dengan ikhlas, berlapang dada dan berjiwa besar. Mari bersama membina kemakmuran dengan perpaduan yang utuh.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

